



SOP
Pengurusan Bencana dan
Pergerakan Agensi Tindak Balas (Responder),
Mencari dan Menyelamat (SAR) dan
Badan-Badan Sukarela
Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2021

Tarikh Kuatkuasa: 12 Januari 2021

Kandungan

A. PENDAHULUAN	3
B. TAFSIRAN	4
C. PEMAKAIAN ARAHAN	7
D. PELAKSANAAN OPERASI	8
SEBELUM.....	8
SEMASA.....	10
Kawalan Pegerakan Semasa PKP Berkuatkuasa.....	11
Arahan khusus kepada Badan-Badan Sukarela (NGO/ Sukarelawan/ Pihak Swasta/ Pemimpin Masyarakat/ Orang Persendirian)	11
SELEPAS.....	14
Kawalan Pegerakan Semasa PKP Berkuatkuasa.....	14
E. HAL-HAL LAIN	16
Pembersihan dan disinfeksi	16
Panduan am pencegahan COVID-19:.....	18
<i>Contact tracing</i> Anggota Tindak Balas dan Badan-Badan Sukarela	19
<i>Lokasi PPS</i>	19
F. LAMPIRAN	20
Garis Panduan Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Semasa Covid-19.....	20
Cadangan Asas <i>Template</i> Pas Kenderaan.....	24
Cadangan <i>Template</i> Surat JPBN dan Borang Badan-Badan Sukarela.....	25

PENDAHULUAN

Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 hingga 31 Mac 2020 dan dijangka berterusan sehingga penularan COVID-19 dapat diatasi.

Lanjutan daripada pengisytiharan tersebut, pelbagai langkah telah diambil bagi menyelaraskan dan memperincikan pelaksanaan PKP agar Perintah ini dapat berjalan dengan baik dan lancar.

Bagi melaksanakan PKP, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 telah diwartakan pada 18 Mac 2020.

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan PKP ini, orang ramai dinasihatkan supaya mengamalkan penjarakan fizikal (*physical distancing*), memakai pelitup muka, membasuh tangan dengan kerap atau menggunakan *hand sanitizer*, serta mematuhi arahan PKP yang diumumkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengelakkan penularan.

Subseksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] telah memperuntukkan bahawa pihak Kerajaan boleh memerintahkan supaya mana-mana orang yang telah terdedah atau mungkin telah terdedah kepada risiko dihindangi sesuatu penyakit berjangkit, termasuk mana-mana orang yang baru tiba dari sesuatu kawasan jangkitan untuk menjalani pemerhatian di mana-mana tempat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut, atau menjalani pengawasan sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang ramai.

Selain itu, bencana boleh berlaku pada bila-bila masa dan tempat serta berkemungkinan untuk memberi kesan terhadap mangsa yang berisiko menyebarkan COVID-19 sama ada ketika menjalani *Home Surveillance Order* (HSO) iaitu kuarantin mandatori di rumah atau di Stesen Kuarantin yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

Justeru, agensi-agensi Kerajaan terutama sekali pasukan tindak balas (*responder*), perlu mengambil pendekatan yang tepat dan bersesuaian bagi menjalankan usaha menyelamatkan mangsa terutama sekali yang berisiko COVID-19 di samping memastikan penularan COVID-19 dapat dikawal bagi mengelakkan impak lebih besar kepada mangsa, komuniti dan petugas yang menjalankan tanggungjawab di lapangan.

Bagi tujuan tersebut di atas, satu Peraturan Tetap Operasi (SOP) Pengurusan Bencana dan Pergerakan Agensi Tindak Balas (*responder*), Mencari dan Menyelamat (SAR) dan Badan-Badan Sukarela Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dibangunkan sebagai rujukan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD), petugas agensi tindak balas, Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM), *non-governmental organization* (NGO), sukarelawan, pihak swasta, pemimpin masyarakat, dan orang awam persendirian yang terlibat dalam operasi menyelamatkan dan bantuan kemanusiaan.

TAFSIRAN

“**Agensi Bantuan dan Pemulihan**” ertinya agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan bantuan kebajikan, khidmat kaunseling, logistik dan sebagainya dalam pengurusan bencana negara;

“**Agensi Kerajaan**” ertinya semua agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan di semua lapisan pentadbiran sama ada di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah termasuk Pihak Berkuasa Tempatan;

“**Agensi Peneraju Utama**” ertinya agensi yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk menerajui pengurusan bencana negara secara keseluruhannya iaitu Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri;

“**Agensi Peneraju**” ertinya agensi yang dipertanggungjawabkan mengurus sesuatu kejadian bencana mengikut bidang kepakaran masing-masing;

“**Agensi Tindak Balas**” ertinya agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tindakan seperti mencari menyelamatkan, perkhidmatan perubatan kecemasan, kebajikan, bantuan logistik dan pengurusan ketika sesuatu kejadian bencana;

“**Anggota**” ertinya mana-mana individu dari agensi Kerajaan, bukan kerajaan atau orang persendirian yang terlibat dalam operasi mencari menyelamatkan, perkhidmatan perubatan kecemasan, kebajikan, bantuan logistik dan pengurusan ketika sesuatu kejadian bencana;

“**Bencana**” ertinya suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggembleran sumber yang ekstensif;

“**kontak**” ertinya mana-mana orang yang telah terdedah atau mungkin telah terdedah kepada risiko dihidangpi sesuatu penyakit berjangkit, termasuk mana-mana orang yang baru tiba dari sesuatu kawasan jangkitan;

“**Badan-Badan Sukarela**” ertinya mana-mana pihak selain dari Agensi Kerajaan, antaranya Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta, pemimpin masyarakat, dan orang persendirian;

“**pegawai diberi kuasa**” ertinya mana-mana Pegawai Kesihatan, mana-mana inspektor kesihatan, atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 3 Akta 342;

“**Pegawai Kesihatan**” ertinya mana-mana pengamal perubatan dalam perkhidmatan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan yang sedang menjalankan tugas Pegawai Kesihatan dalam mana-mana kawasan, daerah, atau kawasan pihak berkuasa tempatan, termasuk had lapangan terbang dan pelabuhannya, dan termasuklah Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, mana-mana Timbalan Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, mana-mana Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri, mana-mana Timbalan Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan

Kesihatan Negeri, Pengarah Perkhidmatan Perubatan Negeri Sabah dan Timbalannya dan Pengarah Perkhidmatan Perubatan Negeri Sarawak dan Timbalannya;

“**pemerhatian**” ertinya penyisihan mana-mana kontak atau orang yang disyaki menghidap apa-apa penyakit berjangkit bagi maksud menentukan sama ada dia menghidap penyakit berjangkit atau tidak, dan termasuklah rawatan orang itu;

“**pengasingan**” apabila dipakai bagi seseorang atau sekumpulan orang ertinya memisahkan orang itu atau kumpulan orang itu daripada orang lain, kecuali kakitangan yang bertanggungjawab atas penjagaan atau pengasingan orang yang tersebut, mengikut apa-apa cara untuk mencegah merebaknya jangkitan itu, dan termasuklah rawatan orang itu atau kumpulan orang itu;

“**Person Under Surveillance**” (selepas ini dirujuk sebagai “PUS”) ertinya mana-mana orang yang memegang surat “Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Korona Virus 2019 (COVID-19) Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]” yang dibawa ke Stesen Kuarantin atau menjalani *Home Surveillance Order* (HSO);

“**Petugas Kerajaan**” ertinya mana-mana pegawai diberi kuasa dan pegawai dan kakitangan dari jabatan dan agensi kerajaan yang lain serta mana-mana syarikat yang dilantik oleh Kerajaan yang diminta dan/atau diarahkan memberi apa-apa bantuan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa bagi maksud membolehkannya menjalankan kuasa yang terletak hak padanya termasuk di bawah peraturan dan/atau *Warta* yang dibuat di bawah Akta 342 bagi tujuan penugasan mengurus PUS di premis ILA/hotel/fasiliti swasta;

“**Peredaan**” ertinya usaha-usaha yang dijalankan bagi mengurangkan impak sesuatu kejadian bencana;

“**Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO) agensi**” ertinya pegawai agensi sedia ada yang dilantik dari agensi untuk memastikan tahap kesihatan dan keselamatan petugas agensi masing-masing;

“**Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK)**” ertinya tempat di mana Komander Operasi Bencana menyelaras dan menentukan aturgerak Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan bagi mengendalikan operasi mencari dan menyelamatkan di samping memastikan perkara-perkara berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam dikendalikan dengan baik;

“**Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)**” ertinya tempat di mana Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana setiap peringkat menyelaras dan mengawasi perkembangan usaha-usaha menangani bencana, operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dilaksanakan dengan segera, teratur, terselaras dan berkesan;

“**Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**” ertinya premis berstruktur yang dikenalpasti oleh pihak berkuasa sebagai sesuai dan selamat untuk menempatkan mangsa bencana dalam suatu tempoh tertentu;

“**Sistem Amaran Awal**” ertinya sistem untuk menjana dan menyebarkan amaran berkenaan sesuatu kejadian bencana dalam tempoh masa yang bersesuaian bagi

mbolehkan individu, masyarakat dan organisasi bersiap sedia dan bertindak sewajarnya dalam tempoh masa yang mencukupi untuk mengurangkan kemungkinan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa;

“**Stesen Kuarantin**” adalah mana-mana tempat di mana pengasingan atau pemerhatian dijalankan dan termasuklah sesuatu hospital penyakit berjangkit dan mana-mana tempat yang diisytiharkan oleh Menteri Kesihatan dalam *warta* sebagai Stesen Kuarantin; dan

“**Tindak Balas**” ertinya tindakan penyediaan perkhidmatan kecemasan dan bantuan awam semasa atau sebaik sahaja berlakunya bencana dengan tujuan menyelamatkan nyawa, menjamin keselamatan awam dan membantu dari segi keperluan asas mangsa bencana;

PEMAKAIAN ARAHAN

SOP ini turut dibaca bersama-sama dengan mana-mana SOP dan Garis Panduan yang berkaitan, termasuk:

- i. Arahan Sidang Majlis Keselamatan Negara No. 20 (MKN20);
- ii. SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) MKN;
- iii. Peraturan Tetap Operasi (pengendalian bencana berkaitan di bawah MKN20);
- iv. SOP Agensi tindak balas;
- v. Garis Panduan Pengurusan PPS semasa COVID-19 (**lampiran 1**); dan
- vi. Surat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 16 April 2020 berkenaan Penggunaan Personal Protective Equipment (PPE) Secara Rasional di Fasiliti KKM Semasa Wabak COVID-19.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara dokumen ini dengan mana-mana Garis Panduan atau SOP yang dikeluarkan oleh mana-mana Agensi Kerajaan berhubung dasar dan mekanisme pengurusan bencana, maka dasar dan mekanisme dalam Arahan MKN No.20 hendaklah mengatasinya.

PELAKSANAAN OPERASI

SEBELUM

1. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) hendaklah mengenal pasti kawasan berisiko bencana (*hotspots*) di daerah masing-masing dan mengambil langkah pencegahan atau persediaan awal sepertimana ditetapkan dalam Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana sedia ada.
2. JPBD perlu memastikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang telah dikenalpasti dan diwartakan mempunyai fasiliti asas yang berfungsi dengan baik dan kondusif bagi memastikan arahan PKP semasa dapat dipatuhi, terutamanya melibatkan penjarakan fizikal.
3. JPBD hendaklah mengenal pasti premis atau fasiliti dengan mengadakan ruang pengasingan atau PPS pengasingan bagi menempatkan mangsa berstatus *Person Under Surveillance* (PUS).
4. JPBD perlu memastikan setiap PPS mempunyai Kod QR MySejahtera dan akan menggunakan aplikasi tersebut.
5. JPBD melalui Pegawai Kesihatan Daerah (PKD) hendaklah menyediakan dan mengemaskini data profil dan lokasi PUS yang sedang menjalani *Home Surveillance Order* (HSO) di lokaliti masing-masing dengan panduan berikut:

Zon

- a. Mengenalpasti Zon Covid-19 (Merah/Kuning/Hijau)
- b. Kawasan PKP yang diisytihar

Data profil PUS:

- a. Lokasi tepat penempatan PUS
- b. Maklumat PUS (butiran peribadi dan rekod perubatan)

Stesen Kuarantin:

- a. Institut Latihan Awam (ILA)
- b. Hotel
- c. Dewan serbaguna
- d. Sekolah
- e. Lain-lain Stesen Kuarantin yang ditentukan

6. Ahli JPBD dan anggota tindak balas hendaklah menitikberatkan kerahsiaan data PUS pada setiap masa bagi mengelakkan salah faham, panik dan keresahan dalam kalangan komuniti.
7. JPBD dan agensi tindak balas perlu memastikan kecukupan *Personal Protective Equipment* (PPE) dan peralatan yang bersesuaian bagi pengendalian operasi, termasuk keperluan mangsa yang akan diselamatkan dan dipindahkan ke PPS.

PPE:

- a. *Head cover*
- b. *Face mask*
- c. *Face shield*
- d. *Goggles*
- e. *Coverall*

- f. *Gown*
- g. *Apron*
- h. *Glove*
- i. *Shoe cover*

PERALATAN

- a. *Hand Sanitizer / Sabun & Air bersih*
 - b. *Infra-red Thermometer*
 - c. Peralatan/Bahan Desinfeksi dan Sanitasi
8. Agensi tindak balas atau mana-mana entiti terlibat perlu memastikan kenderaan yang akan digunakan dalam operasi terutama sekali milik Badan-Badan Sukarela direkodkan bagi tujuan log serta memudahkan proses permohonan pergerakan rentas sempadan sekiranya PKP dilaksanakan.
9. Memastikan kenderaan Badan-Badan Sukarela yang akan digunakan sewaktu operasi disertakan dengan surat pengesahan oleh JPBD atau agensi kerajaan yang berkaitan bagi tujuan penugasan operasi atau respon kepada bencana sewaktu PKP dilaksanakan.

Langkah am pencegahan COVID-19 oleh anggota agensi tindak balas dan Badan-Badan Sukarela:

- i. Memberikan taklimat berkaitan penyakit COVID-19, pencegahan dan kawalan, penjagaan kebersihan diri, disinfeksi dan tatacara pelupusan peralatan pelindung diri sewaktu operasi dilaksanakan.
- ii. Memastikan tahap kebersihan yang tinggi pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan menggunakan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*).
- iii. Memastikan peralatan perlindungan peribadi seperti pelitup muka, sarung tangan dan *hand sanitizer* mencukupi.
- iv. Mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.
- v. Menghantar anggota ke Klinik Kesihatan yang berdekatan sekiranya terdapat anggota yang mempunyai gejala.
- vi. Menyampaikan maklumat kesihatan dan penjagaan sendiri dengan tepat kepada semua anggota tindak balas, termasuk agensi sokongan yang terlibat.
- vii. Memastikan anggota tindak balas diberikan latihan penggunaan PPE dengan betul dan bersesuaian.
- viii. Memastikan anggota tindak balas bukan dalam kategori PUS.
- ix. Memastikan saringan kesihatan dibuat.

PELAKSANAAN OPERASI

SEMASA

1. Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) diaktifkan bagi memudahkan koordinasi dan penyaluran informasi kepada agensi tindak balas melalui Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK), terutama sekali keperluan mengaktifkan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan penempatan mangsa di Stesen Kuarantin.
2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) perlu bekerjasama dengan anggota agensi tindak balas dalam perkongsian data/profile berkenaan PUS.
3. Proses pemindahan mangsa ke PPS, atau mangsa berstatus PUS ke Stesen Kuarantin hendaklah dijalankan melalui pengembelian aset dan logistik yang tersusun sepertimana yang diselaraskan di PKTK.
4. Proses pemindahan mangsa ke PPS perlu mematuhi Garis Panduan Pengurusan PPS semasa COVID-19 dan mengikut nasihat KKM.
5. Tempoh pengasingan mangsa berstatus PUS di Stesen Kuarantin yang ditetapkan adalah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh KKM.
6. Rondaan oleh agensi tindak balas secara berkala di kawasan terlibat bencana perlu dijalankan bagi memastikan mangsa mendapat bantuan sewajarnya.
7. PKTK/Komander Operasi Bencana (KOB) perlu memastikan rangkaian komunikasi berfungsi bagi penyampaian maklumat penting termasuk komunikasi yang bersesuaian.
8. JPBD melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab menyediakan sajian secara berbungkus (*packed meal*) atau lain-lain kaedah yang ditentukan dari semasa ke semasa dengan mengamalkan garis panduan yang ditetapkan.
9. JPBD menyelaras makan minum secara berbungkus (*packed meal*) kepada semua petugas yang terlibat.
10. JPBD menyelaras bantuan/sumbangan daripada Badan-Badan Sukarela.
11. Komander Operasi Bencana (KOB) perlu melantik Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO) agensi masing-masing yang bertanggungjawab melaksanakan saringan kesihatan ke atas semua anggota yang terlibat operasi.
12. KOB bertanggungjawab memastikan taklimat berkenaan langkah am pencegahan COVID-19 disampaikan kepada anggota tindak balas sebelum operasi dimulakan.
13. KOB bertanggungjawab memberikan taklimat berkenaan *Personal Protective Equipment* (PPE) dan pemakaian PPE yang bersesuaian mengikut skop tugas masing-masing. Jenis PPE juga adalah tertakluk kepada arahan dan nasihat dari KKM mengikut keadaan semasa. Pemakaian PPE mengikut *level*:
 - a. PPE level 1 – *facemask 3ply*
 - b. PPE level 2 – *facemask 3ply+ face shield + coverall + surgical gloves*

Kawalan Pegerakan Semasa PKP Berkuatkuasa

14. Kebenaran rentas sempadan semasa operasi adalah tertakluk kepada arahan PKP yang diisytiharkan di negeri/daerah/zon yang berkenaan dan tempoh yang diumumkan.
15. Kenderaan rasmi milik agensi tindak balas tidak perlu mendapat kebenaran pergerakan dari PDRM.
16. Kenderaan rasmi agensi **dengan** logo agensi atau tanda pengenalan jabatan boleh menggunakan laluan khas yang dibuat di sekatan jalanraya.
17. Kenderaan rasmi agensi **tanpa** logo atau tanda pengenalan jabatan perlu disertakan dengan surat rasmi dari agensi terbabit yang mengesahkan bahawa sesebuah kenderaan tersebut milik agensi berkenaan dan digunakan bagi tujuan operasi. Kenderaan ini boleh melalui lorong khas yang disediakan di sekatan jalanraya.
18. Pegawai/kakitangan yang bertugas menggunakan kenderaan persendirian tidak perlu memohon kebenaran rentas sempadan. Namun, perlu menyertakan arahan bertugas oleh Ketua Jabatan serta dibekalkan dengan pelekat kenderaan rasmi oleh agensi masing-masing bagi membolehkan rentas sempadan sewaktu PKP dan menggunakan lorong khas yang disediakan di sekatan jalanraya. (cadangan templat pelekat kenderaan adalah seperti di **lampiran 2**)

Arahan khusus kepada Badan-Badan Sukarela (NGO/ Sukarelawan/ Pihak Swasta/ Pemimpin Masyarakat/ Orang Persendirian)

19. Semua cadangan sumbangan, perkhidmatan dan bantuan yang hendak disampaikan perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri atau Daerah (JPBN/JPBD) di kawasan terlibat bencana.

Berikut adalah maklumat yang perlu diberikan kepada JPBN/JPBD:

- i. Maklumat penyumbang / organisasi;
- ii. Senarai nama, nombor kad pengenalan dan nombor telefon penyumbang / wakil yang akan melaksanakan sumbangan / bantuan
- iii. Jenis dan bentuk sumbangan / bantuan;
- iv. Jumlah bantuan dan bilangan penerima yang dicadangkan;
- v. Lokasi agihan sumbangan / bantuan;
- vi. Jadual penghantaran sumbangan / bantuan; dan
- vii. Lain-lain maklumat yang bersesuaian

20. Badan-Badan Sukarela digalakkan untuk menumpukan aktiviti bantuan samada dalam bentuk barangan dan perkhidmatan ke kawasan yang berhampiran dan tidak merentasi sempadan negeri bagi mengurangkan risiko penularan COVID-19 terutama dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP).
21. Bantuan yang hendak disalurkan perlu diselaraskan di JPBN/JPBD melalui PKOB berkenaan. PKOB boleh, jika perlu, mengeluarkan apa-apa surat pengesahan untuk menerima atau membenarkan sumbangan / bantuan daripada pihak penyumbang.

22. PKOB boleh, jika perlu, mengenakan apa-apa syarat/peraturan yang sesuai kepada Badan-Badan Sukarela bertujuan mengurangkan risiko penyebaran Covid-19 dan/atau melancarkan koordinasi bantuan sebelum memberikan kebenaran penerimaan bantuan/sumbangan daripada Badan-Badan Sukarela tersebut.
23. Badan-Badan Sukarela dari luar negara atau pertubuhan antarabangsa perlu mengemukakan permohonan kepada NADMA bagi penghantaran bantuan kemanusiaan.
24. Serahan langsung kepada mangsa adalah tidak dibenarkan, kecuali dengan kebenaran PKOB dan diiringi/dipantau oleh petugas yang ditentukan oleh PKOB.
25. Sebarang program dan gimik serahan yang melibatkan orang ramai berkumpul adalah tidak dibenarkan sama sekali.
26. Badan-Badan Sukarela dari luar sempadan kawasan bencana digalakkan untuk bekerjasama dengan Badan-Badan Sukarela tempatan untuk tujuan penyampaian sumbangan/bantuan tanpa perlu untuk merentas sempadan ke kawasan bencana.
27. Badan-Badan Sukarela yang ingin merentas sempadan daerah/negeri bagi tujuan penyampaian bantuan perlu mendapatkan kebenaran dan persetujuan dari JPBN atau JPBD yang berkenaan terlebih dahulu. Surat kebenaran dari JPBN/JPBD ini akan digunakan sebagai rujukan di sekatan jalanraya sewaktu PKP dilaksanakan. Cadangan *template* surat JPBN/JPBD dan borang yang perlu diisi oleh Badan-Badan Sukarela adalah seperti di **lampiran 3**.
28. Badan-Badan Sukarela perlu meminimumkan ahli yang terlibat untuk penghantaran bantuan/sumbangan/perkhidmatan di kawasan bencana.
29. Pergerakan dari kawasan PKP ke kawasan PKPB atau PKPP adalah tertakluk kepada SOP semasa iaitu dengan kapasiti penumpang terhad kepada 2 orang sahaja.
30. Kawasan PKPD adalah kawasan larangan masuk, kecuali kepada agensi yang dibenarkan sahaja.
31. Badan-Badan Sukarela perlu mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 yang digariskan dan sentiasa mematuhi arahan PKP atau mana-mana peraturan yang berkuatkuasa pada masa tersebut.

Langkah am pencegahan COVID-19 oleh anggota agensi tindak balas:

- i. Semua anggota perlu mengelakkan diri daripada bersentuh dengan mangsa kecuali jika perlu dan kerap mencuci tangan menggunakan *hand sanitizer*/sabun & air bersih.
- ii. Memakai PPE yang bersesuaian dengan betul mengikut nasihat dan panduan KKM sekiranya terlibat dalam prosedur menyelamatkan mangsa.
- iii. Anggota tindak balas yang ditugaskan dalam operasi menyelamatkan serta memindahkan mangsa hendaklah mengenakan PPE mengikut kategori mangsa:
 - a) Mangsa biasa /PUS – PPE *level 1*
 - b) Mangsa positif Covid-19 – PPE *level 2*
- iv. Amalkan membersihkan tangan atau bahagian yang bersentuhan dengan mangsa menggunakan *hand sanitizer* atau air bersih dan sabun.
- v. Semua PPE perlu dilupuskan dengan betul, membuangnya ke dalam beg plastik sampah dan membawanya ke pangkalan untuk dilupus dengan sempurna oleh KKM atau pihak yang dilantik sahaja.
- vi. Anggota tindak balas perlu mandi sejurus kembali daripada penugasan.
- vii. Anggota tindak balas perlu menukar pakaian lain yang bersih sebelum pulang ke bilik penginapan atau rumah.
- viii. Pakaian hendaklah dibasuh menggunakan air bersih dan sabun.
- ix. Anggota tindak balas perlu melapor diri kepada Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO) agensi masing-masing setelah tamat tugas sebelum bersurai.

PELAKSANAAN OPERASI

SELEPAS

1. Semua agensi tindak balas yang telah menjalankan operasi bertanggungjawab memastikan PPE yang telah digunakan sepanjang operasi dilupuskan dengan kaedah yang digariskan oleh KKM.
2. Semua agensi tindak balas juga dikehendaki menjalankan proses dikontaminasi (*decontamination*) ke atas semua peralatan yang digunakan sepanjang operasi dengan menggunakan garis panduan pembersihan dan disinfeksi yang dikeluarkan KKM.
3. Proses penghantaran pulang mangsa ke kediaman mereka perlulah dijalankan dengan memastikan langkah-langkah wajar diambil bagi mengekang penularan, seperti:
 - a. Mangsa bergejala dirujuk ke klinik kesihatan.
 - b. Penjarakan fizikal.
 - c. Pemakaian PPE mengikut skop tugas.
 - d. Mangsa dibekalkan dengan pelitup muka dan dikehendaki memakainya pada setiap masa.
4. Penghantaran pulang mangsa berstatus PUS adalah tertakluk kepada *Home Surveillance Order* dan nasihat dari PKD.
5. Setelah operasi ditamatkan, KOB perlu menjalankan *debriefing* kepada semua anggota tindak balas dan agensi sokongan yang terlibat.

Kawalan Pegerakan Semasa PKP Berkuatkuasa

6. Kebenaran rentas sempadan semasa operasi adalah tertakluk kepada arahan PKP yang diisytiharkan di negeri/daerah/zon yang berkenaan dan tempoh yang diumumkan.
7. Kenderaan rasmi milik agensi tindak balas tidak perlu mendapat kebenaran pergerakan dari PDRM.
8. Kenderaan rasmi agensi **dengan** logo agensi atau tanda pengenalan jabatan boleh menggunakan laluan khas yang dibuat di sekatan jalanraya.
9. Kenderaan rasmi agensi **tanpa** logo atau tanda pengenalan jabatan perlu disertakan dengan surat rasmi dari agensi terbabit yang mengesahkan bahawa sesebuah kenderaan tersebut milik agensi berkenaan dan digunakan bagi tujuan operasi. Kenderaan ini boleh melalui lorong khas yang disediakan di sekatan jalanraya.
10. Pegawai/kakitangan yang bertugas menggunakan kenderaan persendirian tidak perlu memohon kebenaran rentas sempadan. Namun, perlu menyertakan arahan bertugas oleh Ketua Jabatan serta dibekalkan dengan pelekat kenderaan rasmi oleh agensi masing-masing bagi membolehkan rentas sempadan sewaktu PKP dan menggunakan lorong khas yang disediakan di sekatan jalanraya.

11. Badan-Badan Sukarela yang terlibat dalam pengurusan bencana perlu mengemukakan surat kebenaran atau persetujuan dari JPBN atau JPBD bagi tujuan kebenaran rentas sempadan selepas sesuatu operasi dijalankan sepanjang arahan PKP dilaksanakan.

Langkah am pencegahan COVID-19 oleh anggota agensi tindak balas dan Badan-Badan Sukarela:

- i. Semua anggota dan ahli Badan-Badan Sukarela perlu mengelakkan diri dari bersentuhan dengan mangsa kecuali jika perlu.
- ii. Memakai PPE yang bersesuaian mengikut skop tugas.
- iii. Anggota tindak balas ahli Badan-Badan Sukarela yang tidak dapat mengekalkan penjarakan fizikal dan terpaksa bersentuhan dengan mangsa tidak boleh menyentuh bahagian muka dan perlu segera membersihkan tangan atau bahagian yang bersentuhan dengan *hand sanitizer* atau menggunakan air dan sabun.
- iv. Semua PPE seperti pelitup muka dan sarung tangan perlu dilupuskan dengan betul, membuangnya di dalam tong sampah bertutup dan membawanya ke pangkalan untuk dikumpul/dilupus dengan sempurna.
- v. Anggota tindak balas ahli Badan-Badan Sukarela perlu mandi sejurus kembali daripada penugasan.
- vi. Anggota tindak balas ahli Badan-Badan Sukarela perlu menukar pakaian lain yang bersih sebelum pulang ke bilik penginapan atau rumah.
- vii. Disinfeksi pakaian hendaklah dilakukan dengan menggunakan air dan *detergent*.
- viii. Melaksanakan disinfeksi bersasar di PPS.

HAL-HAL LAIN

Pembersihan dan disinfeksi

Proses disinfeksi perlu dijalankan di semua kawasan berisiko dan juga terhadap peralatan operasi. *Personal Protective Equipment* (PPE) yang telah digunakan perlu dilupuskan dengan sempurna mengikut kaedah yang digariskan oleh KKM.

Semua kawasan tertutup dibiarkan terbuka bagi membolehkan peredaran udara yang mencukupi untuk mengeluarkan partikel yang tercemar.

- i. Disinfeksi tempat dan semua peralatan yang kerap disentuh dengan cecair disinfeksi.
- ii. Basuh tangan dengan air bersih dan sabun.
- iii. Buang/lupus PPE yang telah tercemar dengan tatacara yang betul dan ganti PPE yang baru.
- iv. Anggota tindak balas ahli Badan-Badan Sukarela yang terdedah secara langsung hendaklah menukar pakaian lain dan membersihkan diri.
- v. Sekiranya terdapat risiko sebarang kontak rapat, anggota tindak balas ahli Badan-Badan Sukarela perlulah membuat ujian COVID-19 dengan nasihat KKM.
- vi. Aktiviti disinfeksi boleh dilaksanakan oleh anggota agensi tindak balas masing-masing dengan nasihat KKM.
- vii. Semasa melakukan pembersihan di kawasan, petugas hendaklah memakai PPE yang bersesuaian seperti berikut:
 - ✓ *Pelitup muka*
 - ✓ *Goggles/ face shield*
 - ✓ Sarung tangan getah pakai buang.
 - ✓ Kasut but getah (Jika ada)
 - ✓ Gaun lengan panjang pakai buang (Jika ada)
 - ✓ Plastik apron (Jika ada)

Tatacara disinfeksi adalah seperti berikut:

- i. Lakukan pembersihan menggunakan air dan pencuci detergen dan diikuti dengan proses disinfeksi menggunakan bahan disinfeksi. Semua permukaan yang mungkin bersentuhan dengan sesiapa yang bergejala seperti lantai dan dinding, mesti dibersihkan dan dinyahkuman dengan teliti.
- ii. Semua peralatan yang terdedah (tidak berada di dalam kawasan tertutup) seperti di atas bot, mesti dibersihkan menggunakan pencuci detergen dan air diikuti dengan disinfeksi. Beri tumpuan pembersihan dan disinfeksi pada permukaan yang kerap disentuh.
- iii. Cuci dan disinfeksi peralatan yang boleh digunakan semula sebelum digunakan oleh anggota lain.
- iv. Bahan buangan dan peralatan perlindungan digunakan hendaklah dilupuskan dengan cara yang betul sama ada ditanam atau dibuang ke dalam tong sampah bertutup.
- v. Bahan disinfeksi yang digunakan adalah *Chlorine-based solution* 1,000 ppm. Contoh: *Sodium hypochlorite* (bahan peluntur), cecair yang mengandungi lebih 70 peratus alkohol, sabun dan air atau bahan disinfeksi yang hanya dibenarkan untuk digunakan oleh anggota di tempat tertentu.
- vi. Agensi yang beroperasi juga boleh mendapatkan bantuan khidmat Jabatan Bomba dan Penyelamat atau Pihak Berkuasa Tempatan dalam membuat semburan disinfeksi di tempat atau bangunan yang digunakan dalam operasi.

Panduan am pencegahan COVID-19:

Semua anggota agensi tindak balas ahli Badan-Badan Sukarela perlu memahami bagaimana virus Covid-19 ini boleh berjangkit dan cara mencegahnya.

Cara jangkitan wabak Covid-19:

- i. Sentuhan
- ii. Bersin
- iii. Batuk

Gejala wabak Covid-19:

- i. Demam
- ii. Batuk
- iii. Sakit tekak
- iv. Sesak nafas
- v. Hilang deria bau dan rasa pada lidah.

Langkah-langkah pencegahan wabak Covid-19:

- i. Mengamalkan kebersihan tangan (*hand hygiene*) dengan menggunakan *hand sanitizer* atau air bersih & sabun.
- ii. Memakai pelitup muka dengan cara yang betul.
- iii. Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya satu meter.
- iv. Mempraktikkan norma baru iaitu elakkan 3S-sesak, sempit, sembang dekat dan amalkan 3W *wash hand, wear mask & warn*.

Contact tracing Anggota Tindak Balas dan Badan-Badan Sukarela

Pengesanan kontak COVID-19 kepada anggota operasi dan Badan-Badan Sukarela:

- i. Penugasan anggota dalam setiap operasi hendaklah direkodkan seperti nama, tempat, tarikh, masa dan suhu badan dalam tugas operasi.
- ii. Semua agensi yang terlibat operasi mencari dan menyelamatkan hendaklah membuat rekod yang lengkap terhadap semua mangsa yang diselamatkan.
- iii. Proses pengendalian mangsa yang melibatkan pelbagai agensi hendaklah dibuat dengan teliti supaya sekiranya terdapat mangsa yang dijangkiti COVID-19, pengesanan kontak kepada anggota tindak balas dan Badan-Badan Sukarela yang terlibat dapat dibuat dengan segera dan tepat.
- iv. Sekiranya terdapat mangsa yang positif selepas saringan COVID-19 dibuat, anggota tindak balas dan Badan-Badan Sukarela yang ada kontak rapat hendaklah menjalani pemeriksaan atau, mengikut arahan yang dikeluarkan oleh KKM.

Lokasi PPS

- i. PPS hendaklah dibuka dikawasan Zon Covid-19 atau PKP yang sama. Sekiranya tidak dapat dielakkan PPS boleh dibuka di zon yang berhampiran.
- ii. Menempatkan mangsa mengikut Zon Covid-19 atau kawasan PKP.

Garis Panduan Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Semasa Covid-19

Selaras dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah diumumkan, satu Garis Panduan khas bagi Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibangunkan untuk dijadikan rujukan berkenaan pengendalian PPS sepanjang operasi COVID-19. Garis Panduan ini meliputi perkara berikut:

- i. Arahan Penugasan
- ii. Carta Alir
- iii. *Frequently Asked Questions* (FAQs)

Garis Panduan yang disediakan ini merupakan kesinambungan dari PTO Pusat Pemindahan sedia ada yang dibangunkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri/Daerah (JPBN/D) diminta untuk merujuk Garis Panduan ini dan disesuaikan dengan keperluan Negeri atau Daerah yang mana berkaitan.

ARAHAN PENUGASAN

Sebelum Pembukaan PPS

1. Sekretariat JPBN/D perlu memastikan PPS mempunyai fasiliti asas yang berfungsi dengan baik dan kondusif bagi memastikan arahan PKP semasa dapat dipatuhi, terutamanya melibatkan penjarakan fizikal.
2. Jawatankuasa PPS boleh menempatkan ahli keluarga dalam kubikel yang sama.
3. Membuat penandaan jarak (sekurang-kurangnya 1 meter) yang bersesuaian di kawasan berikut:
 - i. Kaunter pendaftaran
 - ii. Kaunter pengambilan makanan
 - iii. Ruang menunggu di bilik air
 - iv. Ruang awam (*common area*)
4. Membuat penjarakan bersesuaian antara mangsa dan keluarga (*inter-family*) sekiranya tiada kubikel di PPS.
5. Menyediakan *infra red thermometer* dan memastikan ketepatan serta kebolegunaan alat.
6. JPBN/D memastikan stok pelitup muka, sarung tangan, *handwash* (kegunaan bilik air) dan *hand sanitizer* bagi keperluan petugas dan mangsa adalah mencukupi.
7. Penyediaan makanan dan minuman (*packed meal*) di PPS perlu disediakan oleh penyedia makanan (*caterer*) yang dilantik dan tidak ada sebarang aktiviti memasak di PPS sepanjang operasi. Sekiranya keperluan untuk memasak di PPS tidak dapat

dilakkan, Pengurus / Penyelia/Jawatankuasa PPS perlu memastikan penjarakan fizikal dipatuhi mengikut nasihat KKM.

(nota: label makanan hendaklah disediakan dan digalakkan untuk dimakan dalam tempoh empat (4) jam selepas dimasak)

Semasa PPS Diaktifkan

8. Pengurus / Penyelia /Jawatankuasa PPS hendaklah memastikan kepatuhan kepada arahan PKP sedia ada serta perkara-perkara berikut bagi mengekang penularan COVID-19:
 - i. Saringan Kesihatan awal (minimum) dijalankan di PPS oleh AJK PPS. (AJK PPS perlu membuat pengasingan serta merujuk Pasukan Kesihatan KKM sekiranya bacaan suhu badan melebihi 37.5 darjah Celsius atau menunjukkan salah satu gejala seperti demam / batuk / selsema / sesak nafas) atau mempunyai sejarah perjalanan kawasan berisiko/kontak rapat;
 - ii. Saringan Kesihatan dibuat selepas PPS dibuka – Tindakan PKD;
 - iii. Saringan Kesihatan harian – Tindakan Pengurus / Penyelia PPS;
 - iv. Penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dalam kalangan mangsa, kecuali dalam kubikel;
 - v. *Marking* penjarakan 1 meter dapat dilihat dan dipatuhi sewaktu beratur untuk pendaftaran dan pengambilan makanan;
 - vi. *Hand sanitizer* diletakkan di tempat tumpuan;
 - vii. Mangsa di PPS dikehendaki memakai pelitup muka setiap masa, melainkan di dalam kubikel;
 - viii. Penyediaan dan pengedaran pelitup muka, *hand sanitizer* (sekiranya diperlukan) – Tindakan JBPN/D;
 - ix. Penyediaan bekas khas (tong sampah bertutup) untuk pelupusan pelitup muka yang telah digunakan;
 - x. Disinfeksi bersasar dijalankan secara berkala atau berdasarkan keperluan dan nasihat Pegawai Kesihatan KKM; dan
 - xi. Mangsa di PPS digalakkan untuk mendaftar dengan aplikasi MySejahtera.
9. Pengurus / Penyelia / Jawatankuasa PPS perlu memastikan PPS sentiasa berada dalam tahap kebersihan terbaik.
10. Aktiviti-aktiviti berkumpulan yang menjejaskan penjarakan fizikal adalah **tidak dibenarkan** termasuk ziarah antara mangsa.


Penutupan PPS

11. Pengurus / Penyelia / Jawatankuasa PPS hendaklah memastikan disinfeksi keseluruhan PPS, kubikel dan peralatan PPS dijalankan berdasarkan keperluan dan nasihat Pegawai Kesihatan KKM.

Lain-lain

12. Penggunaan PPE dan amalan pembersihan diri oleh petugas sepanjang operasi adalah **minima**, bergantung pada skop tugas ketika bersama:
 - i. Mangsa – pelitup muka dan *hand sanitizer (frequent hand hygiene)*
 - ii. Petugas PPS – pelitup muka / (*frequent hand hygiene*)
 - iii. Disinfeksi – topeng muka dan *gloves (optional: disposable plastic apron, eye protection dan boots)*
13. Pengurus /Penyelia / Jawatankuasa PPS perlu memastikan petugas mendaftar dan membuat saringan kesihatan harian asas sebelum memulakan tugas.
14. Semua pihak (petugas, pelawat, media dan Badan-Badan Sukarela) perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan atau mana-mana peraturan yang dikuatkuasakan sepanjang tempoh pengoperasian PPS, termasuk mendaftar dan menjalani saringan kesihatan minimum.
15. Sebarang lawatan oleh kenamaan/orang awam/badan-badan sukarela bagi apa-apa tujuan, selain dari Agensi Kerajaan yang terbabit dalam pengurusan bencana perlu mendapat kebenaran JPBN atau JPBD.
16. Pelawat awam **tidak dibenarkan** di PPS.
17. Pelawat yang mendapat kebenaran Pengurus PPS perlu mendaftar dengan My Sejahtera dan menjalani saringan kesihatan asas di PPS.
18. Jawatankuasa PPS dikehendaki menyediakan QR Code My Sejahtera.
19. PKD/Jawatankuasa perlu menyediakan dan mempamerkan poster penjarakan fizikal, etika batuk dan sebagainya.

CARTA ALIR PENGURUSAN PPS SEMASA COVID-19



Cadangan Asas *Template* Pas Kenderaan**Ciri-ciri pelekat kenderaan:**

1. Saiz: 10 x 4 (inci)
2. No. Siri adalah sama dengan surat arahan penugasan atau surat pengesahan kenderaan yang dikeluarkan agensi.
3. Nama penuh Agensi dan singkatan.
4. Cop rasmi agensi hendaklah terletak di atas nombor siri dan mengenai perkataan PETUGAS dan Agensi.

Cadangan *template* surat JPBN dan borang Badan-Badan Sukarela

LETTER HEAD RASMI
(PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI /
PEJABAT DAERAH)

No. Rujukan:
Tarikh:

UP: POLIS DIRAJA MALAYSIA

SURAT PERSETUJUAN MENERIMA BANTUAN / SUMBANGAN BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN DARIPADA BADAN-BADAN SUKARELA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri / Daerah bersetuju agar Badan Sukarela seperti butiran di bawah melaksanakan bantuan / sumbangan berbentuk barangan atau perkhidmatan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat di **Lampiran 1**.

Nama Badan Sukarela	:	
Nama Wakil	:	
Jawatan	:	
No Kad Pengenalan	:	
No Telefon	:	
Tarikh Kebenaran Mula	:	
Tarikh Kebenaran Tamat	:	
Negeri / Daerah / Mukim / Kampung / Kawasan	:	

3. Wakil Badan Sukarela seperti nama dan butiran di atas adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas Surat Kebenaran ini. Kebenaran ini boleh ditarik balik jika didapati terdapat apa-apa pelanggaran terhadap kebenaran ini.

Sekian,

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA)
JAWATAN

s.k : Ketua Pengarah NADMA , Jabatan Perdana Menteri

SYARAT PELAKSANAAN BANTUAN OLEH BADAN-BADAN SUKARELA SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 2021

- i. Badan Sukarela perlulah merancang dan mengenal pasti aktiviti yang hendak dilaksanakan seperti – penerima, lokasi penerima, barang/perkhidmatan yang hendak dibawa dan lain-lain maklumat sepertimana dalam borang permohonan.
- ii. Bantuan yang disalurkan perlu diselaraskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN)/ Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang berkaitan.
- iii. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN)/ Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) boleh, jika perlu, mengenakan apa-apa syarat/peraturan yang sesuai kepada Badan-Badan Sukarela bertujuan mengurangkan risiko penyebaran Covid-19 dan/atau melancarkan koordinasi bantuan sebelum memberikan kebenaran penerimaan bantuan/sumbangan daripada Badan-Badan Sukarela tersebut.
- iv. Serahan langsung kepada mangsa adalah tidak dibenarkan, kecuali dengan kebenaran JPBN/JPBD dan diiringi/dipantau oleh petugas yang ditentukan oleh JPBN/JPBD.
- v. Sebarang program dan gimik serahan yang melibatkan orang ramai berkumpul adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- vi. Badan-Badan Sukarela perlu mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 yang digariskan dan sentiasa mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau mana-mana peraturan yang berkuatkuasa pada masa tersebut.
- vii. Badan Sukarela yang ingin merentas sempadan perlu menunjukkan Surat Persetujuan Menerima Bantuan yang dikeluarkan oleh JPBN / JPBD kepada pihak PDRM di sekatan-sekatan jalan raya (SJR) untuk tujuan verifikasi.
- viii. Badan Sukarela hendaklah memastikan aspek kesihatan dan keselamatan seperti semakan suhu badan, pemakaian penutup muka, penjarakkan sosial dan lain-lain nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipatuhi sepanjang melaksanakan bantuan.
- ix. Mana-mana anggota Badan Sukarela yang tidak sihat seperti demam, batuk atau lain-lain masalah kesihatan tidak dibenarkan menyertai proses penghantaran dan pengagihan bantuan.
- x. Proses bantuan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa yang dipersetujui. Anggota Badan Sukarela hendaklah beredar dengan segera dari lokasi penerima bantuan apabila proses penghantaran bantuan selesai dilaksanakan.
- xi. Badan Sukarela tidak boleh menyalahgunakan Surat Persetujuan selain dari tujuan bantuan kemanusiaan pada tarikh dan kawasan yang ditetapkan sahaja. Sebarang pemalsuan Surat Persetujuan adalah merupakan satu kesalahan.
- xii. Bagi mengelakkan pembelian pukal di kawasan bencana yang akan menyebabkan kekurangan bekalan di kawasan tersebut, pihak Badan Sukarela dinasihatkan membuat perolehan barang sumbangan / bantuan dari luar kawasan Bencana.
- xiii. Wakil Badan Sukarela adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas Surat Persetujuan ini termasuk bertanggungjawab terhadap anggota, kenderaan, peralatan, barang-barang sumbangan dan perkhidmatan yang diberikan adalah tidak menyalahi undang-undang.
- xiv. Surat Persetujuan boleh ditarik balik pada bila-bila masa atas apa-apa sebab tanpa perlu memberikan apa-apa alasan.

SELESAI



**BORANG PERMOHONAN MELAKSANAKAN BANTUAN / SUMBANGAN BARANG /
PERKHIDMATAN
OLEH BADAN-BADAN SUKARELA SEWAKTU TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

NAMA PEMOHON	:			
NOMBOR TELEFON	:			
PERTUBUHAN / SYARIKAT	:			
PENERIMA BANTUAN	:			
LOKASI BANTUAN	:			
JENIS BANTUAN (gunakan lampiran tambahan jika perlu)	:	1. 2. 3.		
TARIKH PERGERAKAN MULA	:			
TARIKH PERGERAKAN TAMAT	:			
JENIS KENDERAAN (gunakan lampiran tambahan jika perlu)	:	1. 2. 3.	NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN	1. 2. 3.
SENARAI NAMA PETUGAS DAN NOMBOR KAD PENGENALAN (gunakan lampiran tambahan jika perlu)	1.			NO KP
	2.			NO KP
	3.			NO KP

Saya mengesahkan bahawa semua butiran yang dinyatakan adalah benar dan akan bertanggungjawab jika permohonan ini disalahgunakan untuk tujuan selain yang dinyatakan. Saya juga akan memastikan pematuhan kepada pematuhan SOP Amalan Norma Baharu sepanjang misi bantuan dilaksanakan.

TANDATANGAN PEMOHON

NAMA :

NO KAD PENGENALAN :

<p>DIBENARKAN / TIDAK DIBENARKAN (untuk tindakan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah)</p>
<p>TANDATANGAN: COP</p>

NAMA PETUGAS BADAN SUKARELA

BIL	NAMA	NO KAD PENGENALAN	NO TELEFON

JENIS BANTUAN / SUMBANGAN BARANG / PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN

BIL	JENIS BARANG / PERKHIDMATAN	KUANTITI	BILANGAN PENERIMA

KENDERAAN YANG AKAN DIGUNAKAN UNTUK PENGHANTARAN BANTUAN

BIL	JENIS KENDERAAN	NOMBOR PENDAFTARAN	NAMA PEMANDU